

TAHAP KESEDARAN KERJAYA PELAJAR TINGKATAN ENAM DALAM BIDANG PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

THE LEVEL OF FORM SIX STUDENTS IN THE FIELD OF TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION

Azlinna Paijan¹
Zaliza Hanapi²

^{1,2} Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim Perak

Accepted date: 26 August 2018

Published date: 17 September 2018

To cite this document: Paijan, A., & Hanapi, Z. (2018). Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam Dalam Bidang Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(18), 11-17.

Abstrak: Proses perancangan kerjaya merupakan suatu proses yang berterusan bagi kebanyakan individu untuk memudahkan membuat pemilihan dalam kerjaya. Pemilihan kerjaya yang baik apabila ia berlaku melalui kesedaran individu itu sendiri, bersesuaian dengan minat, kebolehan, kemahiran dan personalitinya. Justeru itu, kesedaran kerjaya merupakan perkara penting pada pelajar bagi menentukan hala tuju pelajar yang lebih jelas terutama dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Bidang PTV dilihat sebagai suatu bidang yang mempunyai peluang dan masa depan yang cerah dengan mensasarkan 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Namun begitu sejauh mana, kesedaran kerjaya ini dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Enam. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya pelajar Tingkatan Enam dalam pemilihan kerjaya dalam bidang PTV. Sampel kajian terdiri daripada 399 orang responden yang dipilih secara rawak mudah dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di Kolej Tingkatan Enam Semenanjung Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Analisis data menggunakan IBM SPSS Statistic versi 22.0 bagi mendapatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran kerjaya pelajar ini adalah tinggi (skor min = 3.68, SP= 074).

Kata Kunci: Kesedaran Kerjaya, Pemilihan Kerjaya, Pendidikan Teknikal Dan Vokasional

Abstract: The career planning process is a continuous process for most individuals to make it easier to make a career choice. Good career choice when it comes to the individual's own conscience, in line with his interests, abilities, skills and personalities. Hence, career awareness is an important part of the students to determine the direction of the students which

is more pronounced especially in the field of Technical and Vocational Education (PTV). The field of PTV is seen as a field with a bright future and a target of 1.5 million job opportunities by 2020. However, the extent of this career awareness among Form Six students. Therefore, this study aims to identify the level of career awareness of Form Six students in the career selection in PTV field. Sample of the study consisted of 399 respondents who were randomly selected among Form Six students at Form Six College of Peninsular Malaysia. This study was descriptive and used questionnaire as a research instrument. Data analysis uses IBM SPSS Statistic version 22.0 to get the frequency, percentage, min and standard deviation. The findings showed that the level of career awareness of the students was high (mean score = 3.68, SP = 074).

Keywords: Career Awareness, Career Choice, Technical and Vocational Education

Pendahuluan

Tingkatan Enam merupakan program yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kepada pelajar lepasan menengah yang memenuhi syarat untuk meneruskan pendidikan pasca menengah. Program yang dijalankan selama dua tahun ini bertujuan untuk melengkapkan diri pelajar dengan persekitaran institusi pengajian tinggi (KPM, 2018). Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini berada pada umur 18-19 tahun. Menurut Super (1957), individu yang berumur antara 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan yang berada pada peringkat kedua dalam Teori perkembangan kerjaya Super. Pada peringkat ini individu berada pada tahap penerokaan diri dan mengenali dunia pekerjaan. Pada ketika ini pelajar tingkatan enam berada pada peringkat transisi dimana, mereka sedang dalam proses membuat pilihan untuk menyambung pengajian atau bekerja. Pemilihan bidang pengajian atau kerjaya merupakan perkara penting dalam kehidupan individu. Namun begitu, pemilihan bidang pengajian atau kerjaya ini dianggap susah oleh kebanyakan pelajar (Amla,2009). Menurut Melati et al.(2015), pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang dilakukan oleh individu bagi menentukan bidang kerjaya yang akan dipilih setelah menamatkan pengajian. Pertimbangan untuk membuat keputusan kerjaya dianggap mudah sekiranya mempunyai maklumat kerjaya yang lengkap Nadya et.al (2011).

Membuat keputusan berkaitan kerjaya merupakan perkara penting yang melibatkan minat kebolehan, kemahiran, sikap dan personaliti diri Hairunnaja (2008). Justeru itu, pelajar perlu didedahkan dengan maklumat kerjaya bermula dari peringkat sekolah lagi bagi meningkatkan tahap kesedaran kerjaya pelajar. Menurut Tan Tai (2014), kesedaran kerjaya bermaksud mendapatkan maklumat berkenaan aliran kerjaya dan peluang pekerjaan. Kesedaran kerjaya ini penting bagi individu untuk membuat perancangan dalam menentukan kerjayanya pada masa akan datang. Menurut Super (1971), kesedaran kerjaya ini perlu diberikan kepada pelajar-pelajar yang berumur 15-24 tahun kerana pada peringkat ini mereka akan menentukan hala tuju untuk memilih bidang pengajian dan kerjaya yang akan dipilih selepas tamat peperiksaan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tan Tai (2014), pelajar-pelajar yang memasuki Tingkatan Enam berdepan dengan kesukaran memilih kursus yang sesuai dengan minat dan kebolehan yang ada pada diri mereka.

Dalam Rancangan Malaysia ke-11(RMK-11) (UPE,2015), Kerajaan berhasrat untuk menambah baik bidang pendidikan dengan memberi fokus kepada bidang teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan industri dan dijangka akan mewujudkan 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020 dengan sasaran penambahbaikan dalam produktiviti buruh dan pengurangan

kebergantungan terhadap pekerja asing. Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) memainkan merupakan bidang yang mempunyai penting dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan penyediaan tenaga kerja manusia supaya dapat memenuhi pasaran kerja di dalam industri Asnul Dahir Minghat et.al (2013). Dapat dilihat bahawa bidang pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) ini mempunyai masa depan yang cerah sekiranya pelajar-pelajar sedar tentang peluang yang luas dalam bidang PTV (UPE,2015). Namun begitu, kesedaran dan persepsi masyarakat terhadap bidang PTV masih berada pada kelas kedua Ahmad et.al (2015). Perkara ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional. Perkara ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan mengenai melanjutkan pelajaran atau memilih kerjaya dalam bidang PTV. Kesedaran kerjaya perlu dikenal pasti dalam usaha membina laluan kerjaya pelajar. Hal ini dianggap penting kerana dengan adanya persiapan awal dalam mempertimbangkan pilihan kerjaya potensi diri dapat diperkembangkan sejajar dengan kehendak pekerjaan yang akan diceburi kelak. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap kesedaran kerjaya pelajar terhadap pendidikan teknikal dan vokasional sebagai satu pilihan utama mereka.

Tinjauan Literatur

Pemilihan Kerjaya

Menurut Hairunnaja (2008) membuat keputusan berkaitan kerjaya adalah penting dalam pembangunan kerjaya. Kejayaan akademik dan pekerjaan masa depan dilihat sebagai cara untuk meningkatkan kehidupan keluarga dan masa depan. Oleh itu, jika pelajar gagal membuat keputusan kerjaya yang betul, mereka mungkin tidak memperbaiki keadaan hidup keluarga mereka. Normala (2013) telah menggariskan pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan minat kerjaya seseorang individu tersebut kerana pilihan yang dibuat merupakan pilihan kerjaya untuk masa depan mereka. Personaliti yang selari dengan minat akan memudahkan laluan kerjaya seseorang individu (Azlin Mokhtar & Suhaida Abdul Kadir , 2013). Masalah akan timbul jika seseorang itu merasakan pekerjaan yang dibuat tidak bersesuaian dengan minat dan personaliti yang dimilikinya. Minat yang mendalam dalam sesuatu bidang pengajian atau pekerjaan yang diambil akan memberi kesan yang positif kepada pembelajarannya atau pekerjaannya. Kajian lepas membuktikan minat mempunyai hubungan dan akan mempengaruhi pilihan kerjaya individu (Tracey et.al, (2001). Justeru itu, dengan adanya kesedaran kerjaya, individu mampu menilai dan memilih bidang atau kerjayanya berdasarkan minat, personaliti dan kemampuan diri.

Teori Perkembangan Kerjaya Super

Teori ini diperkenalkan oleh Donald E. Super pada tahun 1952 berdasarkan konsep-konsep kendiri yang ada dalam diri individu. Konsep-konsep ini dikatakan mempengaruhi pemilihan kerjaya dan kepuasan terakhir individu itu. Pemilihan kerjaya yang dibuat menggambarkan kesesuaian kendiri individu dan menghasilkan kepuasan yang maksimum dalam pengalaman kerjaya individu tersebut (Sidek, 2013)]. Menurut Super (1963) dalam Sidek (2013), Seseorang individu akan mencapai tahap kematangan dalam kerjayanya. Kematangan kerjaya seseorang itu dapat dilihat melalui pencapaian kejayaan mereka sepanjang mereka bekerja dari satu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Super (1957) telah membahagikan peringkat perkembangan kerjaya berdasarkan lima peringkat, iaitu seseorang individu dari lahir hingga awal remaja, umur 14 tahun merupakan peringkat pertumbuhan yang akan membentuk sikap dan tingkah laku konsep kendiri seseorang. Pada peringkat kedua, iaitu antara umur 15 hingga 24 tahun merupakan tahap

penerokaan diri dan mengenali dunia pekerjaan. Perkara ini merupakan tahap percubaan kepada pelbagai penerokaan dan pemilihan serta kemungkinan dan kesangsian mengenai sesuatu kerjaya. Setiap individu akan melalui setiap peringkat perkembangan untuk mempelajari tentang diri sendiri dengan persekitaran.

Kesedaran Kerjaya

Kesedaran kerjaya merupakan pemahaman terhadap dunia kerja dan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan yang sedang dan akan diceburi. Menurut Super (1971), kesedaran kerjaya ini perlu diberikan kepada pelajar-pelajar yang berumur 15-24 tahun kerana pada peringkat ini mereka akan menentukan hala tuju untuk memilih bidang pengajian dan kerjaya yang akan dipilih selepas tamat peperiksaan terutamanya bagi lepasan.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Helmi Ali et.al (2016), telah mengaitkan tentang permasalahan pemilihan kerjaya di kalangan mahasiswa UKM bergantung kepada beberapa faktor, seperti ilmu dan pengalaman yang terhad dalam bidang kerjaya, keberkesanan program amali yang dijalankan serta motivasi dari ibu, bapa dan guru. Permasalahan ini berlaku kerana mahasiswa ini kurang diberi pendedahan tentang pendidikan kerjaya terutama dalam membuat pemilihan kerjaya.

Kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) tentang aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam telah menunjukkan secara keseluruhannya pelajarnya masih belum berminat untuk menjadi usahawan kerana kurang pendedahan dan kesedaran tentang peluang yang bakal dimiliki apabila menceburi bidang keusahawanan. Mereka tidak menyedari potensi bidang usahawan untuk masa depan mereka.

Pendedahan tentang perancangan kerjaya, maklumat pekerjaan, pengalaman pekerjaan merupakan aspek utama yang perlu diambil berat dalam meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar. Justeru itu, kesedaran kerjaya itu penting dalam proses membuat pemilihan kerjaya individu. Maklumat yang jelas tentang sesuatu kerjaya dapat membantu individu membuat pilihan yang tepat selari dengan minat dan kemampuan diri serta menjamin masa hadapan.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan berbentuk diskriptif. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai profil responden serta mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya pelajar Tingkatan Enam dalam pemilihan kerjaya. Cohen et.al (2000) menyatakan bahawa sekiranya kajian melibatkan responden yang ramai, maka kaedah yang sesuai digunakan ialah menggunakan kaedah kuantitatif. Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis secara statistik diskriptif menggunakan perisian IBM Statistik. Statistik deskriptif digunakan untuk membuat kesimpulan terhadap keseluruhan dapatan kajian yang menggunakan ujian statistik seperti frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.

Sampel Kajian

Memandangkan pelajar Tingkatan Enam merupakan kelompok individu yang berada pada peringkat penerokaan, pengkaji merasakan kumpulan pelajar ini merupakan populasi yang sesuai untuk kajian ini. Memandangkan populasi kajian ini adalah besar, pengkaji telah menggunakan persampelan rawak mudah berkelompok dengan memilih pelajar Tingkatan Enam

yang mengikuti pengajian di Kolej Tingkatan Enam di Semenanjung Malaysia sebagai responden kajian. Saiz sampel ditentukan dengan menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 399 orang responden.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya dalam bidang PTV. Laporan analisis keputusan dipaparkan dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piaawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min dan Sisihan Piaawai Keseluruhan Kesedaran Pelajar Tingkatan Enam Dalam Pemilihan Bidang PTV

Item	N	Min	Sisihan Piaawai (SP)
Min Keseluruhan Kesedaran Pelajar	399	3.68	0.74

Hasil kajian mendapati skor min keseluruhan bagi tahap kesedaran pelajar dalam pemilihan bidang PTV dalam kalangan pelajar 399 orang pelajar kolej Tingkatan Enam ialah 3.68 ($SP=0.74$). Ini menunjukkan tahap kesedaran pelajar Tingkatan Enam ini berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2: Taburan Tahap Kesedaran Pelajar Tingkatan Enam Dalam Pemilihan Bidang PTV

Tahap Kesedaran Pelajar	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	11	2.8
Sederhana	181	45.4
Tinggi	207	51.9

Tahap kesedaran kerjaya pelajar tingkatan enam dalam pemilihan kerjaya masih berada pada tahap yang rendah dan sederhana ini menunjukkan bahawa kemungkinan kurangnya pendedahan atau pelajar tidak tahu tentang kepentingan kesedaran kerjaya itu dalam perancangan kerjaya mereka untuk masa hadapan. Ini akan memberi kesan kepada pemilihan kerjaya pelajar tersebut. Menurut Tan Tai (2014) kemampuan pelajar untuk menentukan kerjaya pilihan mereka adalah berdasarkan pengalaman dan pendedahan mengenai bidang pekerjaan yang terdapat di negara ini. Pendedahan tentang hala tuju dan peluang dalam bidang tertentu akan memberi maklum balas yang positif terhadap kesedaran untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja (Samad et.al, 2014). Ini dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan kerjaya yang jelas dan tepat.

Kajian juga mendapati majoriti pelajar mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi dalam bidang PTV. Namun begitu, ia tidak menjanjikan yang pelajar-pelajar ini akan memilih bidang PTV sebagai pilihan. Menurut Siti Hajar et.al (2012) walaupun pelajar mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi, pelajar tidak memilih sesuatu bidang itu kerana pelajar masih dalam proses meninjau pemilihan pekerjaan yang paling sesuai dengan minat, keupayaan, persekitaran dan kelulusan akademik mereka kelak. Minghat & Disun (2011) pula menyatakan faktor pelajar memilih kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan atas kerjaya mereka mengetahui situasi pekerjaan itu. Ini menunjukkan bahawa kesedaran kerjaya merupakan aspek penting dalam perancangan dan pemilihan kerjaya individu.

Kesedaran pelajar terhadap bidang-bidang kerjaya yang akan diceburi ini memerlukan pendedahan pengetahuan dan maklumat yang jelas daripada pelbagai pihak termasuk keluarga, guru-guru dan pihak kementerian. Ibu bapa dan penjaga dan guru harus meluangkan masa dan menguasai maklumat terkini untuk mengetahui perkembangan terbaru mengenai dunia pekerjaan semasa.

Justeru itu, pelbagai langkah perlu di ambil untuk meningkatkan kesedaran dalam sesuatu bidang seterusnya memudahkan pelajar itu membuat pilihan bagi menentukan bidang pendidikan atau kerjaya yang akan diceburi pada masa akan datang. Kesedaran kerjaya ini perlu diberi kepada pelajar bermula dari sekolah rendah bagi memupuk minat dan kesedaran agar dapat mengetahui perkembangan potensi diri pelajar.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya dalam bidang PTV dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Justeru itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar. Kesedaran kerjaya ini sangat penting dalam membuat perancangan awal dalam bidang pengajian atau kerjaya yang akan di ceburi oleh pelajar. Permasalahan dalam pemilihan bidang pengajian atau kerjaya adalah berpuncanya daripada maklumat yang kurang tentang sesuatu bidang pengajian dan pekerjaan. Memandangkan bidang ini mempunyai potensi yang besar pada masa akan datang, pihak-pihak yang terlibat perlu memikirkan kaedah yang lebih komprehensif agar peluang ini dapat di ambil oleh semua pelajar terutama pelajar Tingkatan Enam. Semua pihak perlu bersama-sama untuk mengubah persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap bidang PTV agar bidang ini menjadi pilihan utama generasi kini serta dapat meningkatkan ekonomi negara.

Rujukan

- Ahmad,M.J.,Jalani,N.H.,&Hasmori,A.A.(2015).*TEVT di Malaysia: Cabaran dan harapan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam.
- Amla Salleh.(2009). Mengenal Potensi Kerjaya. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Asnul Minghat Dahir, Ruhizan M Yasin, Kamalularifin Subari, and Khair Noordin. 2013. “Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (PTV),” no. Isqae: 493–504.
- Azlin Mokhtar & Suhaida Abdul Kadir. (2013). “Personaliti Dan Minat Kerjaya Murid Dalam Bidang Teknikal Dan Vokasional Di Zon Pudu, Kuala Lumpur.” Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013), no. Greduc.
- Babbie, E. (2008). The Basics of Social Research. Fourth Edition. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Chua, Y.P. (2013). Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). Research Methods In Education (5th ed.). London : RoutledgeFalmer.
- Hairunnaja Najmuddin.(2008). Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hussin, Fauzi, Jamal Ali, and Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS. Universiti Utara Malaysia.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Reseach, 38, 607–610.
- Melati Sumari, Norfaezah Md. Khalid, and Norsafatul Aznin A. Razak. 2015. *Teori Dan Amalan Kaunseling Kerjaya*. Penerbit Universiti Malaya.

- Minghat, A. D. & Disun, S. A. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus rekaan dan jahitan di daerah Muar, negeri Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 58-76.
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman, and Mohammad Azrul Tajudin. (2016). faktor pemilihan kerjaya di kalangan pelajar universiti kebangsaan malaysia : satu panduan untuk industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, December: 8–15.
- Mohd Jalil Ahmad, Noor Hisham Jalani & Annas Akhmal Hasmori. (2015). TEVT di Malaysia: cabaran dan harapan. Seminar Kebangsaan Dekan-Dekan Pendidikan Awam.
- Nadya Abu Bakar, N., Hamzah, R., & Udin, A. (2011). Cabaran-cabaran dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional dalam membangunkan sumber manusia. *Journal of Edupres*, 1(September), 159–164.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam.” *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (1): 11–17. doi:10.1177/1069072710385547.
- Normala A.M.(2013). “Keserasian Personaliti Pelajar Dengan Agen Pengembangan.” Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Samad, N. A. B. D., Hassan, R., Harun, H., Daud, D., & Hassan, A. (2014). kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke institut latihan vokasinal (ILV) dalam kalangan pelajar sekolah menengah vokasional (SMV) di Negeri Johor (Awareness Opportunity to Extends Study in the Vocational Training Institute (VTI) Among S. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 109–115.
- Sidek Mohd Noah. (2013). Perkembangan Kerjaya Teori & Praktis. Cetakan semula. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar, Munir, Razif & Sarjit (2012). Kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja Malaysia: Menilai sumbangan teori kesopanan Brown Levinson. *Akademik* 82(2) 2012: pg81-85.
- Super,D.E.(1957). *The Psychology of Careers*. New York: Harper & Raw Publisher
- Super,D.E.(1971). *The Psychology of Career*. New York: Harper & Raw Publisher
- Tan Tai(2014). Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam Di Daerah Kluang Dalam Pemilihan Kerjaya. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tracey,T.J.G., & Hopkins,N.(2001). The correspondence of interest and abilities with occupation choice. *Journal of Counseling Psychology*,48,178-189
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020)*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- Yusof, Hamidah, Jamal Junus, and Khalip Musa.(2014). Kaedah Penyelidikan Penguruan Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.